



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	MUKA SURAT	:	12
TARIKH	:	6/7/2018			
JABATAN	:	NRE			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

AIR TERAWAT LRA LANGAT 2

Mampu bekal tambahan 1.13 bilion liter setiap hari

➔ Pembekalan air terawat sehingga 2025 penuh keperluan penduduk Lembah Klang

Oleh **Meor Riduwan Meor Ahmad**
mriduwan@nstp.com.my

► **Hulu Langat**

Loji Rawatan Air (LRA) Langat 2 berupaya membekalkan tambahan 1.13 bilion liter air terawat setiap hari sehingga 2025 untuk keperluan penduduk Lembah Klang apabila siap sepenuhnya pada 2022.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata projek yang giat dilaksanakan itu sudah siap 72 peratus dengan Fasa



[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]

Xavier melawat Tapak Pembinaan LRA Langat 2 di Hulu Langat, semalam.

Satu mampu membekalkan 325 juta liter sehari (MLD) kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd menjelang November ini.

Ada tiga peratus rizab air

"Kita mempunyai rizab air kira-kira tiga peratus ketika ini dan tambahan 325 MLD ini akan meningkatkan rizab kepada tujuh peratus menjelang November, sekali gus memanfaatkan kira-kira sejuta isi rumah," katanya pada sidang media ketika lawatan ke Tapak Pembinaan LRA Langat 2, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji.

Xavier yang juga Ahli Parlimen Kuala Langat berkata, projek LRA bernilai RM8 bilion dan terbesar di Asia Tenggara itu bakal mengelak krisis air di Lembah Klang daripada berulang.

"Projek mega ini yang bermula pada 2008 (dijadual siap 2019), mengalami kelewatan akibat pelbagai isu termasuk berkaitan tanah, perancangan dan kelulusan agensi berkaitan," katanya.

Sementara itu, beliau menegaskan, tiada lagi penangguhan bagi penyelesaian isu pengambilalihan Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (SLASH).

Katanya, Kabinet kelmarin meluluskan lanjutan 30 hari bagi penyelesaian penstrukturan semula industri air Selangor.

"Saya tidak akan meminta lanjutan dan yakin isu ini dapat diselesaikan dalam tempoh sebulan.

Terdahulu, Dr Xavier menderang taklimat lebih sejam bersama Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan SMHB Engineering Sdn Bhd, disusuli lawatan tapak projek LRA Langat 2 membabitkan pembinaan loji rawatan air, terowong air serta empangan Kelau di Bentong, Pahang.